

Perutusan Pengerusi Pengawasan untuk Berdaya Tahan



Para Pemegang Saham yang dihormati,

Tahun 2025 merupakan tahun yang menekankan kepentingan ketahanan institusi, tadbir urus yang berdisiplin dan tumpuan strategik jangka panjang.

Seiring dengan pasaran global sudah diselaraskan dengan dasar peralihan dagangan, risiko geopolitik yang berkembang dan keadaan monetari yang berubah-ubah, Bursa Malaysia kekal fokus kepada mandat sebagai pemangkin pertumbuhan negara dan institusi pasaran yang dipercayai. Berpandukan Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026, Bursa Malaysia terus mengukuhkan asasnya dan memperteguhkan peranannya dalam menyokong pembentukan modal, penyertaan pelaburan dan pengurusan risiko merentas kitaran ekonomi, sambil kekal responsif kepada keperluan pihak berkepentingan yang sentiasa berubah dalam keseluruhan ekosistem pasaran.

Perutusan Pengerusi

Bursa Malaysia kekal berdaya tahan sepanjang tahun meskipun berdepan keadaan turun naik yang ketara dan penghindaran risiko akibat ketidakpastian luaran. Keutamaan Lembaga Pengarah Bursa Malaysia adalah untuk memastikan bahawa Bursa Malaysia terus beroperasi dengan tahap kestabilan, integriti dan kecekapan yang tinggi, agar kami dapat mengekalkan pasaran yang teratur, memelihara keyakinan pelabur serta menjaga keadilan dan ketelusan pasaran kami. Pada tahun 2025, kami mencapai bilangan IPO tertinggi di ASEAN, mengukuhkan reputasi kami sebagai platform penjana dana yang kondusif dan boleh dipercayai untuk perniagaan.

Kredibiliti Bursa Malaysia sebagai destinasi yang dipercayai untuk penciptaan kekayaan selanjutnya telah disahkan oleh bilangan akaun CDS aktif sebagai ukuran bagi penyertaan dagangan yang meningkat sebanyak 14% tahun ke tahun (YoY), mencapai paras tertinggi sepanjang masa sebanyak 2.5 juta pada tahun 2025. Pencapaian ini amat penting memandangkan landskap pelaburan runcit yang semakin kompetitif, yang menyaksikan peningkatan ketara dalam bilangan platform pelaburan digital dan alternatif.

Berlandaskan momentum ini, Lembaga Pengarah kekal fokus dalam memastikan hala tuju strategik Bursa Malaysia dilaksanakan dengan disiplin. Kami akan terus membuat pengawasan terhadap keutamaan pelaksanaan, pengurusan risiko dan daya tahan organisasi, di samping memastikan Bursa Malaysia kekal sejajar dengan agenda negara yang lebih luas bagi memperkukuh daya saing Malaysia, memperdalam pasaran modal dan menyokong pembangunan ekonomi yang mampan.

MEMBIMBING PASARAN KE ARAH PENCIPTAAN NILAI JANGKA PANJANG YANG BERTANGGUNGJAWAB

Di Bursa Malaysia, kami beraspirasi untuk memperkukuh kedudukan kami sebagai pengendali pasaran yang berteraskan nilai dengan menerapkan prinsip-prinsip kemampanan dalam setiap aspek operasi dan usaha pembangunan pasaran. Dengan dwi-peranan kami sebagai pengawal selia barisan hadapan dan syarikat tersenarai awam (PLC), kami berada pada kedudukan yang unik untuk memimpin melalui teladan, dengan menyediakan sokongan yang menyeluruh kepada para peserta pasaran kami semasa mereka mengemudi perjalanan kemampanan mereka sendiri.

Sementara itu, sebagai penyokong kemampanan, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempercepatkan penerapan amalan kemampanan dan pada masa yang sama memperluas ekosistem pelaburan mampan dalam pasaran kami. Adalah amat memberangsangkan apabila bilangan konstituen dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia mencapai rekod tertinggi sebanyak 180 PLC pada tahun 2025. Pencapaian ini mencerminkan pengukuhan amalan terbaik kemampanan dan kecairan merentasi pasaran kami, sekali gus mengesahkan kemajuan kami ke arah pembinaan pasaran modal yang mampan. Untuk terus membantu syarikat-syarikat korporat, kami telah melancarkan "Sustainability Accelerator Programme" pada suku kedua tahun 2025 untuk menyokong PLC dalam penerapan Keperluan AM IFRS S1 bagi Pendedahan Maklumat Kewangan Berkaitan Kemampanan (General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information) dan IFRS S2 Pendedahan Berkaitan Iklim.

Kemajuan teknologi kami juga telah memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi kemampanan kami. Pada tahun 2025, kami telah melengkapkan Penyelesaian "Centralised Sustainability Intelligence" (CSI), yang baru dilancarkan dengan alat berkuasa kecerdasan buatan (AI), iaitu "AI-Sustainability Ratings Analyser" dan "AI-Sustainability Reporting", bagi membantu penerbit mengenal pasti jurang pendedahan serta memperkemas pelaporan kawal selia mereka dengan kecekapan yang lebih tinggi. Kami juga telah berjaya melaksanakan Lelongan Kredit Karbon berasaskan Teknologi yang pertama di Malaysia, sekali gus memperkukuh saranan nilai Bursa Carbon Exchange (BCX) sebagai pemangkin kepada perjalanan penyahkarbonan Malaysia.

Kami juga telah menganjurkan Forum Pasaran Karbon Malaysia Ketiga, yang membolehkan pihak berkepentingan memupuk penglibatan yang bermakna dan mempercepatkan pertumbuhan ekosistem pasaran karbon tempatan dan serantau. Di peringkat serantau, kepimpinan kami dalam pasaran karbon terus diperkukuh apabila Rangka Kerja Karbon Sejangat ASEAN satu konsep yang diperkenalkan oleh Bursa Malaysia telah diterima pakai sebagai inisiatif keutamaan ASEAN-BAC Malaysia bagi menghubungkan pasaran karbon di seluruh ASEAN. Secara keseluruhan, semua inisiatif ini telah mengukuh pengaruh Bursa Malaysia dalam memajukan agenda kemampanan merentasi pasaran kami, serta menegaskan lagi peranan kami sebagai peneraju pemikiran serantau dalam membentuk wacana kemampanan.

Meningkatkan pengalaman para pelabur dan peserta pasaran kekal sebagai keutamaan Lembaga Pengarah memandangkan kebolehcapaian, ketelusan dan keterlibatan komuniti merupakan asas kepada pasaran modal yang sihat. Pada tahun 2025, kami berasa terdorong oleh kemajuan pihak Pengurusan dalam memperkukuh pendekatan berteraskan pelanggan merentasi semua titik sentuh Bursa Malaysia terutamanya melalui penambahbaikan platform MyBURSA.

Pengenalan kepada pendidikan pasaran bersepadu serta alatan penyelidikan dan InvestLAB, iaitu simulator dagangan maya, telah mewujudkan pengalaman yang lebih lancar dan memperkasakan untuk komuniti pelabur kami yang semakin berkembang. Pelancaran ThoughtStream, sebuah platform perkongsian kandungan digital dan penyelidikan bebas, selanjutnya mengukuhkan lagi ekosistem ini dengan memupuk dialog yang lebih inklusif, yang dipacu komuniti dalam kalangan pelabur, penyelidik dan pelajar. Kemajuan ini mencerminkan komitmen kami untuk memastikan Bursa Malaysia terus berkembang sebagai sebuah pasaran yang bukan sahaja cekap dan dikawal selia dengan baik, malah amat responsif terhadap keperluan para penggunaannya serta masyarakat pelabur awam yang lebih luas.

MENYOKONG TADBIR URUS BERTERUSAN

Tadbir urus kekal sebagai teras kepada identiti dan operasi Bursa Malaysia. Lembaga Pengarah mengekalkan pengawasan yang ketat terhadap pengurusan risiko, tingkah laku beretika dan hala tuju strategik bagi menjamin integriti dan daya tahan pasaran kami dalam jangka panjang. Sejalan dengan komitmen kami untuk meningkatkan standard tadbir urus merentasi keseluruhan ekosistem, kami telah memperkenalkan Chairpersons' Circle, sebuah platform untuk keterlibatan kumpulan kecil yang bertujuan untuk memajukan tingkah laku dan tadbir urus peringkat Lembaga Pengarah secara kolektif.

Kami juga telah memperoleh pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ISO 37001 pada 1 Mei 2025, yang mencerminkan pengiktirafan terhadap dasar anti-rasuah Bursa Malaysia. Kecemerlangan tadbir urus kami turut diiktiraf di Anugerah Tadbir Urus Korporat ASEAN 2025, apabila Bursa Malaysia tersenarai dalam kalangan 50 PLC Terbaik ASEAN serta meraih kedudukan Lima Syarikat Terbaik Malaysia bagi aspek ketelusan, akauntabiliti dan standard tadbir urus keseluruhan.

Keterangkuman juga merupakan elemen teras kepada pertumbuhan mampan. Golongan wanita kini mewakili 34.1% daripada jumlah pengarah dalam kalangan 100 PLC teratas, yang merupakan tahap tertinggi yang pernah direkodkan dalam sejarah kami. Kami terus mengadakan dialog yang menegaskan tanggungjawab bersama untuk merungkai halangan sistemik dan memastikan peluang yang saksama. Melalui usaha-usaha ini, kami memastikan bahawa kecemerlangan tadbir urus dan keterangkuman kekal menjadi teras identiti dan hala tuju masa depan Bursa Malaysia.

TRANSFORMASI KE ARAH BURSA YANG BERSEDIA MENGHADAPI MASA HADAPAN

Tahun 2026 menandakan kemuncak Pelan Hala Tuju Strategik kami bagi tempoh 2024-2026 kami serta ulang tahun ke-50 Bursa Malaysia - satu detik penting untuk menilai semula keutamaan dan merangka hala tuju yang dapat memperkukuh impak kami terhadap pembangunan ekonomi negara.

Menjelang tahun 2026 dan seterusnya, tumpuan kami kekal teguh dalam memacu inisiatif-inisiatif yang akan meletakkan Bursa Malaysia pada kedudukan yang relevan dan berdaya tahan untuk jangka masa panjang. Lembaga Pengarah kekal komited untuk memperkukuh asas Bursa Malaysia meneroka bidang baharu bagi meningkatkan daya saing Malaysia. Ini termasuk usaha memperdalam keupayaan kami dalam kelas aset yang baru muncul, meneroka segmen pasaran baharu, dan meningkatkan kualiti, keterlihatan dan kebolehlaluran syarikat tersenarai Malaysia bagi memastikan pasaran kami terus menarik minat pelabur tempatan dan antarabangsa.

Pemangkin utama kepada agenda ini ialah pengukuhan infrastruktur teknologi kami. Kami mengutamakan permodenan sistem pasaran, meningkatkan keboleh-operasian dan memperkukuh kesediaan keselamatan siber pelaburan yang penting untuk melindungi integriti pasaran sambil membolehkan inovasi masa hadapan. Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah memantau integrasi teknologi baharu secara bertanggungjawab, khususnya kecerdasan buatan, bagi memperkukuh keberkesanan organisasi dan pengawasan pasaran. Usaha-usaha ini dipandu oleh rangka kerja tadbir urus yang mantap bagi memastikan inovasi dilaksanakan secara beretika, selamat dan selaras dengan jangkauan kawal selia.

Keutamaan ini amat signifikan memandangkan perubahan struktur yang sedang membentuk semula persekitaran operasi global. Fragmentasi dalam susunan ekonomi global, penstrukturan semula rantaian bekalan serta pecutan transformasi digital sedang mentakrifkan semula aliran modal, dinamik persaingan dan tingkah laku pelabur. Perubahan demografi, evolusi struktur tenaga kerja dan corak penggunaan yang berubah turut membentuk semula cara individu menabung, melabur dan berinteraksi dengan pasaran. Dalam masa yang sama, pertimbangan kemampan serta pengawasan kawal selia yang semakin ketat terus mengukuhkan kepentingan daya tahan kewangan, ketelusan dan tadbir urus yang berdisiplin.

Dalam konteks ini, persoalannya bukan lagi sama ada perubahan akan berlaku, tetapi sejauh mana keberkesanan dan ketegasan kita dalam menyesuaikan diri dengannya. Dengan memperkukuh keupayaan teknologi, mempelbagaikan penawaran pasaran dan memperteguh kecemerlangan tadbir urus, Bursa Malaysia bukan sahaja dapat menghadapi gangguan, malah dapat memimpin dengan yakin. Ketika Bursa Malaysia menghampiri ulang tahun ke-50 pada tahun 2026, keutamaan strategik ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk memastikan Bursa Malaysia terus berperanan sebagai sebuah institusi yang dipercayai dan pemacu penting kepada pembangunan ekonomi Malaysia dalam landskap global yang semakin kompleks.

PENGHARGAAN

Ini merupakan perutusan pertama saya sebagai Pengerusi Bursa Malaysia dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah, pasukan pengurusan serta seluruh Warga Bursa atas komitmen dan kerja keras mereka. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada para pengawal selia, pihak berkuasa kerajaan dan semua pihak berkepentingan atas kepercayaan dan sokongan berterusan anda, ketika kita bekerjasama membentuk masa depan pasaran modal Malaysia.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi terdahulu saya, Tan Sri Abdul Wahid Omar serta mantan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Muhamad Umar Swift, yang merekodkan tempoh perkhidmatan cemerlang mereka di Bursa Malaysia yang telah berakhir pada tahun lalu. Adalah wajar untuk dinyatakan bahawa kedua-dua mereka telah menerajui pembangunan dan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026, yang telah meletakkan Bursa Malaysia dalam kedudukan yang kukuh seperti hari ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, Pengarah Kepentingan Awam dan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, yang akan menamatkan perkhidmatan sebagai Lembaga Pengarah pada 1 April 2026, atas sumbangan berharga beliau kepada Bursa Malaysia.

Sementara itu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Dato' Fad'l Mohamed yang menyertai kami sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia pada 1 Mac 2025 dan juga Dato' Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin, yang telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 15 Ogos 2025. Bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Lembaga Pengarah yang lain, saya menantikan hubungan kerja yang produktif dengan anda berdua dalam menelusuri persekitaran operasi semasa bagi memastikan Bursa Malaysia bersedia menghadapi masa hadapan dan merangka fasa pertumbuhan seterusnya.

Terima kasih.



Tan Sri Abdul Farid Alias
Pengerusi